

ROSHLAWATY RAIH roshlawaty@sinarharian.com.my

Ekspedisi tawan Gunung Kinabalu



Meraikan ketibaan di puncak Kinabalu.



Tarikh 23 Januari baru-baru ini, dianggap sebagai kenangan yang terindah buat 21 penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) apabila berjaya menawan Gunung Kinabalu yang berketinggian 4,095 m dari paras laut. Lebih manis lagi apabila pengalaman kali pertama sampai ke puncak gunung tertinggi Asia dan disenaraikan sebagai *Unesco World Heritage* ini diraikan bersama-sama dengan Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Musa Ahmad dan beberapa pegawai Usim lain yang turut sama mendaki.

Penuntut yang menyertai ekspedisi ini merupakan peserta program khas universiti iaitu *Young Muslim Leaders of the Future* (YMLF) yang diurusutiakan di bawah pejabat Naib Canselor.

Latihan untuk melakukan ekspedisi berkenaan telah dilakukan secara intensif semenjak sebulan secara persendirian ataupun latihan secara berkumpulan oleh peserta.

Antara bentuk latihan yang dilakukan adalah larian sekitar kampus, larian balapan, berbasikal dan mendaki bukit.

Peserta terbang ke Sabah pada 20 Januari dengan pengisian santai pada hari pertama di sana seperti melawat Kolam Air Panas Poring dan Fish Massage Tagal Sungai Moroli. Misi pendakian bermula pada hari kedua apabila pendaki bertolak sekitar 8 pagi ke Taman Kinabalu Sabah. Setiba di sana, peserta diberikan taklimat sebelum memulakan pendakian sekitar jam 10 pagi sambil diiringi beberapa *mountain guide*.

Menurut penuntut Fakulti Syariah dan Undang-undang Usim, Muhamad Amirul Razali, terdapat dua fasa pendakian iaitu dari titik permulaan ke Laban Rata sejauh enam km dan dari Laban Rata ke puncak Gunung Kinabalu sejauh 2.7 km.

"Pendakian yang curam dan licin disebabkan hujan ternyata mencabar. Setiap 1 km perjalanan, terdapat pondok-pondok rehat yang disediakan untuk peserta melepas lelah. Sepanjang pendakian, mata sentiasa terpesona dengan pemandangan sekitar dan kepelbagaian flora.

"Dikatakan terdapat sehingga 5,000 spesies tumbuhan di sekitar Gunung Kinabalu yang cukup cantik dan menarik perhatian ramai. Malah, ramai pendaki antarabangsa telah bertandang ke sini seperti pendaki dari Denmark, Jerman, Australia, Korea dan Jepun. Sekitar jam 7.30 malam, semua peserta selamat tiba di Laban Rata," katanya.

Kedinginan tanah tinggi semakin terasa di samping keterujaan untuk menyapa awan Kinabalu makin melonjak-lonjak. Selepas menikmati makan malam dan rehat, jam 3.30 pagi semua peserta memulakan pendakian fasa dua. Suhu yang mencecah 16 darjah selsius ketika itu, membuatkan mereka dinasihatkan untuk memakai baju tebal, jaket, sarung tangan, topi dan stoking.

Keadaan persekitaran yang masih gelap dan sejuk ternyata memberi cabaran berganda untuk menamatkan misi.

"Berkeduk lampu suluh, kami perlu sampai ke pintu gerbang puncak sebelum jam 5 pagi dan dikehendaki untuk menunjukkan permit

pendakian kami di sana," kata siswa Fakulti Sains dan

Teknologi Usim, Riza Asma'a Saari,

Tambahnya, azan tanda kejayaan dilaungkan peserta di puncak Kinabalu apabila kumpulan pertama menjejakkan kaki pada 6.30 pagi diikuti kumpulan berikutnya secara berperingkat. Bergema nyanyian lagu *Usim Terus Maju*, kibaran megah bendera universiti dan sesi fotografi kenang-kenangan merupakan detik indah yang dirasai semua semasa berada di puncak.

Hari terakhir di sana, walaupun keletihan dan penat kaki masih terasa, peserta mengambil peluang membeli-belah di pasar Filipina dan menghayati keindahan sekitar bandar raya Kota Kinabalu. Jam 7 malam, semuanya berlepas pulang ke semenanjung bersama memori manis mendakap awan Kinabalu.

INFO

• Sebelum memulakan pendakian, ada beberapa barangan penting yang perlu anda titik beratkan

- 1) Beg gelas yang sesuai
- 2) Kasut hiking
- 3) Jaket tebal
- 4) Glove & Snowcap. Dua aksesori ini sangat penting menghadapi suhu sejuk di Kinabalu. Lebih baik anda menggunakan glove atau sarung tangan yang kalis air supaya tangan anda tidak basah. Selain melindungi daripada sejuk, glove juga penting kerana pendakian ke puncak banyak menggunakan tali. Kedua-dua aksesori ini digunakan semasa pendakian dari Laban Rata ke puncak sahaja.
- 5) Headlamp. Pilih headlamp yang kecil dan ringan serta bercahaya terang. Pastikan tali yang mengikatnya pada kepala tidak terlalu ketat. Sangat penting ketika pendakian pada waktu malam yang gelap.
- 6) Baju hujan
- 7) Bekalan makanan. Bawalah makanan seperti coklat, roti, biskut atau milo 3 in 1. Tidak perlu membawa makanan seperti sardin, makanan dalam tin dan lain-lain lagi yang memberi beban pada beg anda.
- 8) Ubat-ubatan. Bawa ubat-ubatan seperti panadol actifast, pil chee kit teck aun, minyak cap kapak, minyak panas dan lain-lain yang dirasakan perlu.

Institusi pengajian tinggi awam/swasta yang menganjurkan apa sahaja aktiviti dan kembara kampus, boleh emelkan kepada roshlawaty@sinarharian.com.my

Usaha gigih dan tanpa henti, akhirnya membuah hasil



Bangga dapat mengibarkan bendera Usim di puncak Kinabalu. Turut kelihatan, Dr Musa (tiga, kanan).